

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan dan disebarluaskan mulai jam 1200, Rabu, 10 November, 2021**



**KENYATAAN MEDIA**  
**PRESTASI E-DAGANG OLEH PERTUBUHAN,**  
**SUKU TAHUN KETIGA 2021**

---

**Pendapatan e-dagang Malaysia melonjak 17.1 peratus kepada RM279.0 bilion pada suku ketiga 2021**

**PUTRAJAYA, 10 NOVEMBER 2021** – Pendapatan e-dagang Malaysia mencatatkan RM279.0 bilion, melonjak 17.1 peratus tahun ke tahun pada suku ketiga 2021. Bagi pertumbuhan suku tahunan, pendapatan e-dagang mengekalkan trend positif dengan peningkatan 4.3 peratus. Bermula Januari sehingga September, pendapatan e-dagang merekodkan RM801.2 bilion, meningkat 23.1 peratus bagi tahun ke tahun. Diperingkat negeri, e-dagang dipacu oleh negeri perindustrian yang terdiri daripada negeri Selangor, Kuala Lumpur, Johor dan Pulau Pinang. Manakala di peringkat industri, sektor pembuatan dan perkhidmatan kekal sebagai penyumbang utama pertumbuhan pendapatan e-dagang. Prestasi yang lebih baik ini pastinya didorong oleh pembudayaan norma baharu semasa pandemik Covid-19 yang meningkatkan lagi penggunaan digital di Malaysia. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini semasa Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin mengumumkan penemuan **EKONOMI DIGITAL MALAYSIA 2021**. Laporan ini turut dilengkapkan dengan statistik berkaitan e-dagang dan sumbangsan ICT kepada ekonomi, capaian dan penggunaan ICT serta prestasi sektor perkhidmatan ICT.

Daripada dapatan yang lain, Ketua Perangkawan Malaysia menyatakan, "Sejak wabak COVID-19 melanda Malaysia bermula akhir Januari 2020, kerajaan Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengawal penularan virus COVID-19. Sepanjang tempoh PKP, hanya 38.1 peratus pertubuhan beroperasi berbanding 92.4 peratus pertubuhan beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Dari segi pendapatan keseluruhan, 79.6 peratus pertubuhan dilaporkan mengalami penurunan pendapatan semasa PKP, manakala 46.9 peratus pertubuhan dilaporkan mengalami penurunan pendapatan semasa PKPP. Bagi pendapatan e-dagang, 19.1 peratus pertubuhan mengalami peningkatan pendapatan bagi tempoh PKP dan 26.1 peratus peningkatan pendapatan bagi tempoh PKPP."

Pada 15 Oktober 2021, DOSM telah mengeluarkan penerbitan Akaun Satelit Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICTSA) 2020 dengan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) merekodkan RM320.0 bilion pada tahun 2020, meningkat 10.4 peratus berbanding 2019 (7.3%). Ia menyumbang 22.6 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia dengan Nilai Ditambah Kasar Teknologi Maklumat Komunikasi (14.2%) dan e-dagang industri lain (8.4%). Sementara itu, Nilai Ditambah Kasar e-dagang meningkat 26.5 peratus kepada RM163.3 bilion, berbanding RM129.2 bilion pada tahun sebelumnya (2019: +10.0 peratus). Sejak penyusunan ICTSA, ini merupakan kali pertama e-dagang mencatatkan sumbangan dua digit, 11.5 peratus kepada KDNK pada 2020.

Berdasarkan pendapatan e-dagang mengikut jenis pasaran pada tahun 2019, pendapatan e-dagang pasaran tempatan yang dijana daripada jualan yang dijalankan di Malaysia mendominasi pasaran dengan sumbangannya sebanyak 87.6 peratus berbanding pasaran antarabangsa 12.4 peratus. Nilai pendapatan yang dijana masing-masing berjumlah RM591.8 bilion dan RM83.5 bilion. Sementara itu, pendapatan e-dagang mengikut jenis pelanggan melalui *Business to Business* (B2B) mencatatkan pendapatan tertinggi berjumlah RM449.6 bilion dengan sumbangan sebanyak 66.6 peratus dan diikuti *Business to Consumer* (B2C) RM194.0 bilion (28.7%). Seterusnya, *Business to Government* (B2G) merekodkan RM31.8 bilion (4.7%).

Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin turut memaklumkan, "Perkhidmatan ICT yang terdiri daripada aktiviti penerbitan; perkhidmatan wayang gambar, video dan program

televisyen, rakaman bunyi & penerbitan muzik; pemprograman dan penyiaran; perkhidmatan telekomunikasi; pengaturcaraan komputer, perundingan & aktiviti yang berkaitan serta perkhidmatan maklumat mencatatkan output kasar bernilai RM163.8 bilion pada tahun 2019, meningkat 5.7 peratus berbanding tahun 2018. Selaras dengan pertumbuhan pesat dalam output kasar, nilai input perantaraan dan nilai ditambah juga meningkat masing-masing sebanyak 5.0 peratus dan 6.4 peratus dengan jumlah RM78.2 bilion dan RM85.6 bilion bagi tahun 2019.”


Di samping itu, pada tahun 2019, sebanyak 86.2 peratus pertubuhan menggunakan komputer dan 85.2 peratus pertubuhan menggunakan internet. W.P. Putrajaya merekodkan peratusan tertinggi penggunaan komputer dan internet, dengan kedua-duanya mencatatkan 99.9 peratus. Pada tahun 2020, peratusan penggunaan komputer oleh individu adalah 80.0 peratus dan internet adalah 89.6 peratus. W.P. Putrajaya turut mencatatkan peratusan tertinggi penggunaan komputer dan internet oleh individu, masing-masing 99.9 peratus dan 99.7 peratus. Sementara itu, majoriti perniagaan mengadaptasi teknologi dalam perniagaan mereka dengan menggunakan internet & teknologi mudah alih (63.8%), media sosial (60%), laman web (48.5%), dan pengkomputeran awan (46.8%).

Mengupas kenyataan tersebut, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Teknologi digital berpotensi untuk memacu pertumbuhan ekonomi Malaysia. Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia (MyDigital) - dilancarkan oleh kerajaan Malaysia pada Februari 2021 - merupakan asas kepada transformasi Malaysia untuk menjadi "nadi digital serantau" yang dijangka merangsang produktiviti, meningkatkan inovasi dan menambah baik kehidupan dengan memanfaatkan internet, *big data*, *internet of things (IoT)*, *artificial intelligence (AI)* dan teknologi lain.”


Aktiviti Semakan Kualiti (QC) dan Penyiasatan Liputan Banci (PES) bagi Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) sedang dilaksanakan sepanjang November dan Disember 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberi kerjasama kepada aktiviti Banci Malaysia 2020 kerana "Data Anda Masa Depan Kita". Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) atau media sosial **@MyCensus2020** untuk maklumat lanjut.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan **Hari Statistik Negara (MyStats Day)** pada **20 Oktober** setiap tahun. Pengisytiharan ini telah mengiktiraf sumbangan ahli statistik dan profesion statistik di negara ini. Hari Statistik Negara ini juga boleh diraikan oleh agensi pengeluar, pembekal dan pengguna statistik serta pelbagai lapisan komuniti yang terdiri daripada agensi kerajaan, penyelidik, universiti dan sekolah serta masyarakat umum. Tema sambutan Hari Statistik tahun 2021 ialah “**Connecting The World With Data We Can Trust.**”


Carta1: Prestasi Pendapatan E-dagang Suku Tahun oleh Pertubuhan, Malaysia, 2020-2021



Carta 2: Sumbangan ICT kepada KDNK, Malaysia, 2015-2020



Carta 3: Sumbangan E-Dagang kepada KDNK, Malaysia, 2015-2020



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**10 NOVEMBER 2021**

**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hours, Wednesday, November 10, 2021**



**MEDIA STATEMENT**  
**FOR PERFORMANCE OF E-COMMERCE INCOME BY ESTABLISHMENTS,**  
**THIRD QUARTER 2021**

---

***Malaysia e-commerce income soared 17.1 per cent to RM279.0 billion in the third quarter 2021***

**PUTRAJAYA, NOVEMBER 10, 2021** – Malaysia's e-commerce income received has amounted to RM279.0 billion, a jump of 17.1 per cent year-on-year in the third quarter of 2021. In terms of quarter-on-quarter growth, it maintained a positive trend with 4.3 per cent. From January to September, the e-commerce income recorded RM801.2 billion, increased 23.1 per cent year-on-year. At the state level, the e-commerce was driven by the industrial states, namely Selangor, Kuala Lumpur, Johor, and Pulau Pinang. In view of industry, manufacturing and services sectors remained as the key drivers of growth. Indeed, the improved performance was attributed to the adoption of new normal during the Covid-19 pandemic, in which it boosted digital usage in Malaysia. The Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today as Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin announcing the findings of the **MALAYSIA DIGITAL ECONOMY 2021**. This report also presents statistics on e-commerce and ICT's contribution to the economy, access and usage of ICT, and the performance of the ICT services sector.

*In another findings, the Chief Statistician of Malaysia said, "Since the onslaught of the COVID-19 pandemic in Malaysia began in late January 2020, the Malaysian government enacted a Movement Control Order (MCO) to slow the transmission of the virus. During the MCO in 2020, only 38.1 per cent of establishments were operational, compared to*

*92.4 per cent in RMCO (Recovery Movement Control Order). In terms of overall income, 79.6 per cent of establishments reported a decrease during MCO, while 46.9 per cent in RMCO. For e-commerce income, 19.1 per cent of establishments experienced an increase during MCO, and 26.1 per cent in RMCO."*

*On 15<sup>th</sup> October 2021, DOSM released the Information and Communication Technology Satellite Account (ICTSA) 2020 with ICT recorded at RM320.0 billion in 2020, a rise of 10.4 per cent as compared to 2019 (7.3%). It contributed 22.6 per cent to Malaysia's Gross Domestic Product (GDP), which comprises of the gross value added of the ICT industry (GVAICT: 14.2%) and e-commerce of other industries (8.4%). Meanwhile, e-commerce gross value added increased by 26.5 percent to RM163.3 billion, up from RM129.2 billion the previous year (2019: +10.0 per cent). For the first time since the ICTSA compilation, e-commerce recorded a double-digit contribution of 11.5 per cent to the GDP in 2020.*

*Given the e-commerce income by market segment in 2019, the income of local market which was generated from sales conducted in Malaysia, dominated the market with a contribution of 87.6 per cent, as compared to the international market's 12.4 per cent. The value of the income generated was RM591.8 billion and RM83.5 billion, respectively. Accordingly, e-commerce income by type of customer via Business to Business (B2B) registered the highest income of RM449.6 billion with a 66.6 per cent contribution, followed by Business to Consumer (B2C) at RM194.0 billion (28.7%). In the meantime, Business to Government (B2G) recorded RM31.8 billion (4.7%).*

*Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also informed, "ICT services which comprise of the activity of publishing; motion picture, video and television programme production, sound recording and music publishing; programming and broadcasting; telecommunications services; computer programming, consultancy & related activities and information services recorded gross output RM163.8 billion in 2019, an increase of 5.7 per cent when compared to 2018. In line with the rapid growth in gross output, the value of intermediate input and value added also increased, 5.0 per cent and 6.4 per cent, respectively, to record RM78.2 billion and RM85.6 billion for the year 2019."*


*Moreover, in 2019, 86.2 per cent of establishments used computers, while 85.2 per cent used internet. W.P. Putrajaya had the highest percentage of computer and internet use, with both recorded at 99.9 per cent. Meanwhile, in 2020, the percentage of individuals using computers was 80.0 per cent, and the internet was 89.6 per cent. W.P. Putrajaya also registered the highest percentage of individual computer and internet usage, with 99.9 per cent and 99.7 per cent, respectively. In the meantime, the majority of those who have implemented technologies in their businesses use mobile internet & technology (63.8%) as well as social media (60.0%), websites (48.5%), and cloud computing (46.8%).*

*Elaborating on the statement, the Chief Statistician of Malaysia commented, "Digital technology has the potential to propel Malaysia's economic growth. The Malaysia Digital Economy Blueprint (MyDigital) - which was launched by the Malaysian government in February 2021 - is the foundation for Malaysia's transformation into a "regional digital pulse" which is expected to boost productivity, stimulate innovation, and improve livelihoods by harnessing the internet, big data, the internet of things, artificial intelligence, and other technologies."*


*The activities of Quality Check (QC) and Post Enumeration Survey (PES) for Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is ongoing in November and December 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate the said activities of Malaysia Census 2020 because "Your Data is Our Future". Please visit the Malaysia Census 2020 portal at [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) or social media @MyCensus2020 for more info.*

The Government of Malaysia has declared **National Statistics Day (MyStats Day)** on October 20 each year. This declaration has recognised the contributions of statisticians and the statistical profession in the country. National Statistics Day can also be celebrated by agencies that produce, providers and users of statistics as well as various levels of the community consisting of government agencies, researchers, universities and schools as well as the general public. The theme of MyStats Day in 2021 is “**Connecting The World With Data We Can Trust**”.


*Chart 1: Quarterly Performance of E-commerce Income by Establishments,  
Malaysia, 2020-2021*



*Chart 2: Contribution of ICT to GDP, Malaysia, 2015-2020*



*Chart 3: Contribution of E-commerce to GDP, Malaysia, 2015-2020*



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA**

**10<sup>th</sup> NOVEMBER 2021**